

Headline	Bank Islam biaya RM91.5j projek ladang solar di Perak		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	23
ArticleSize	145 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 14,459		



## Bank Islam biaya RM91.5j projek ladang solar di Perak

**Bank Islam Malaysia Bhd (Bank Islam)** menandatangani perjanjian pembiayaan berjumlah RM91.5 juta dengan Sand Town Solar Sdn Bhd (STS), anak syarikat Kumpulan Gading Kencana Sdn Bhd (GKSB) untuk projek ladang solar photovoltaic (PV) di Perak.

STS ialah syarikat perkhidmatan tenaga boleh diperbaharui yang mengkhusus dalam mereka bentuk dan memasang sistem PV suria serta mewujudkan serta menyelenggara sistem pengurusan elektrik dan tenaga.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Datuk Mohd Muazzam Mohamed, berkata STS adalah syarikat tujuan khas (SPV) untuk projek ladang PV solar 29.99 megawatt (MW) di Bidor, Perak dan membekalkan tenaga elektrik yang dijana kepada Tenaga Nasional Bhd (TNB) di bawah Skim Susunan Penghantaran Baharu Yang Dipertingkatkan (NEDA).

“STS akan menggunakan pembiayaan berkenaan daripada bank untuk menampung perbelanjaan modal yang diperlukan termasuk membiayai semula tanah dan kos pembangunan untuk ladang solar PV berkapasiti 29.99 megawatt (MW).

“Pembiayaan ini akan membantu dalam peralihan tenaga Malaysia daripada penjanaan kuasa berasaskan bahan api fosil dan arang batu kepada sumber tenaga boleh diperbaharui seperti tenaga solar sekali gus menggalakkan penggunaan penyelesaian mesra alam,” katanya pada majlis menandatangani perjanjian pembiayaan berkenaan semalam.

### Tingkat kecekapan

NEDA adalah inisiatif Suruhanjaya Tenaga untuk meningkatkan kecekapan dalam persaingan penjanaan elektrik jangka pendek dan menurunkan harga elektrik.

Majlis menandatangani perjanjian pembiayaan itu disaksikan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Mohd Muazzam berkata, Bank Islam bekerjasama dengan Kumpulan GKSB dalam menjayakan beberapa projek sejak 2019.

Antara projek Kumpulan GKSB yang disokong termasuk pembangunan ladang solar berkapasiti 8MW di Bandar Hang Tuah Jaya, Melaka dan ladang solar berskala besar, berkapasiti 30MW di Bidor, Perak.

BERNAMA